



PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 2 TAHUN 2025

GARIS PANDUAN SEMAKAN KURIKULUM PROGRAM PENGAJIAN DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pejabat Pendaftar
24 Januari 2025

Disalin kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Penolong Naib Canselor (Strategik dan Kelestarian Global)
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTEM100-1/3/6 Jld. 2 (28)

24 Januari 2025

PEKELILING AKADEMIK BIL. 2/2025

GARIS PANDUAN SEMAKAN KURIKULUM PROGRAM DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

1.0 TUJUAN

Pekeliling Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf mengenai Garis Panduan Semakan Kurikulum Program Pengajian di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Senat Bilangan 12 Tahun 2024 bertarikh 19 Disember 2024 telah meluluskan Garis Panduan Semakan Kurikulum Program Pengajian di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).
- 2.2 Universiti adalah bertanggungjawab dalam menyediakan program pengajian yang berdaya saing dan berkualiti. Program pengajian yang dibangunkan dan ditawarkan dengan baik bertujuan menyediakan akses pendidikan yang berkualiti kepada pelajar.
- 2.3 Oleh yang demikian, penambahbaikan kualiti sesuatu program yang ditawarkan oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) perlu melalui proses pemantauan, penilaian, semakan dan penambahbaikan secara konsisten serta berkala bagi menjamin kualiti pendidikan yang ditetapkan.

- 2.4 Semakan kurikulum adalah proses penambahbaikan program pengajian yang dilaksanakan dalam tempoh tertentu secara berkala dan sistematik. Kurikulum yang baik perlu bersifat fleksibel, dinamik dan relevan dengan keperluan semasa agar mampu menyediakan pelajar menghadapi cabaran masa hadapan.
- 2.5 Garis Panduan ini merangkumi komponen umum semakan kurikulum program pengajian yang terbahagi kepada tiga (3) jenis semakan iaitu semakan kurikulum, semakan kurikulum penuh dan semakan kurikulum komprehensif. Ia juga melibatkan elemen seperti perubahan maklumat asas program, komponen/kategori perubahan kurikulum dan kaedah pengiraan perubahan semakan. Kesemua elemen ini bertujuan membantu Fakulti/Institut melaksanakan semakan kurikulum dengan baik bagi memastikan UTeM terus menawarkan program pengajian yang berkualiti tinggi, berdaya saing, bersifat mampan (*sustainable*) dan diurus dengan sistematik.

3.0 PELAKSANAAN

Garis Panduan Semakan Kurikulum Program Pengajian di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) adalah seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran**.

4.0 PEMAKAIAN

Penambahbaikan dalam garis panduan ini terpakai kepada semua Fakulti/Pusat/Institut/Sekolah di UTeM.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Semua staf diminta mengambil maklum tentang Garis Panduan Semakan Kurikulum Program Pengajian di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2025.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menjalankan amanah,



MASDZARIF BIN MAHAT
Ketua Pegawai Operasi
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

GARIS PANDUAN SEMAKAN KURIKULUM PROGRAM PENGAJIAN DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

EDISI 2024

DISEDIAKAN OLEH:

DR. HYREIL ANUAR BIN KASDIRIN, Ts. DR. SAZALINSYAH BIN RAZALI, DR. RIDHWAN BIN JUM Aidin,
DR. SITI NORBAYA BINTI YAHAYA, PN. NORIHAN BINTI ABU NAWAR, EN. MOHD FAHIM BIN MOKHTAR

Pejabat Perancangan dan Pembangunan Akademik
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Tarikh Kemas Kini: 17 Januari 2025

Kandungan

1.0	Pengenalan	3
2.0	Tujuan	4
3.0	Tafsiran dan Interpretasi	5
4.0	Pelaksanaan Program Pengajian.....	7
4.1	Proses Pembangunan, Penawaran dan Status Program.....	7
4.2	Kitaran Pelaksanaan Program dan Semakan Kurikulum	9
4.3	Pemantauan dan Penilaian Prestasi Program	10
5.0	Keperluan Semakan Kurikulum	11
5.1	Keperluan Umum.....	11
5.2	Keperluan Khusus Berdasarkan Ciri-ciri Kurikulum	13
5.3	Tempoh Kitaran Semakan Kurikulum	15
5.4	Jenis Semakan Kurikulum.....	16
6.0	Panduan Semakan Kurikulum.....	17
6.1	Proses Umum dalam Semakan Kurikulum	17
6.2	Kategori Perubahan dalam Semakan Kurikulum	18
7.0	Perubahan Kurikulum Kategori Struktural pada Peringkat Kursus	23
7.1	Perubahan Reka Bentuk Kursus.....	23
7.2	Jenis dan Kaedah Pengiraan bagi Perubahan pada Reka Bentuk Kursus	24
8.0	Proses Semakan Kurikulum bagi Program Pengajian.....	28
8.1	Proses Semakan Kurikulum	28
8.2	Jenis Dokumen yang Berkaitan dengan Semakan Kurikulum	30
9.0	Dokumen yang Perlu Dibaca Bersama	32
10.0	Rujukan Utama	33

1.0 Pengenalan

- i. Universiti adalah bertanggungjawab dalam menyediakan program pengajian yang berdaya saing dan berkualiti. Program pengajian yang dibangunkan dan ditawarkan dengan baik bertujuan menyediakan akses pendidikan yang berkualiti kepada pelajar.
- ii. Oleh yang demikian, penambahbaikan kualiti sesuatu program yang ditawarkan oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) perlu melaksanakan proses pemantauan, penilaian, semakan dan penambahbaikan secara konsisten dan berkala bagi menjamin kualiti pendidikan yang ditetapkan.
- iii. Pemantauan, Penilaian dan Semakan secara berterusan perlu dilakukan bagi memastikan setiap program pengajian dikemas kini mengikut maklum balas pemegang taruh utama, keperluan semasa dan kehendak pasaran industri.
- iv. Sesetengah semakan atau perubahan hanya memerlukan pihak Fakulti / Institut sahaja, tetapi terdapat beberapa perubahan atau semakan yang memerlukan kelulusan Universiti dan ada juga yang perlu berurusan dengan pihak Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dan juga Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) atau badan akreditasi sesuatu program.
- v. Garis Panduan ini memberi penjelasan lanjut berkenaan penilaian dan semakan ini. Ianya akan terus dikemas kini dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan terkini Badan Akreditasi dan/atau pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

2.0 Tujuan

- i. Garis Panduan ini terpakai untuk keperluan semakan kurikulum sesuatu program pengajian, sama ada Program Akademik, Program TVET atau Program ODL, di peringkat prasiswazah dan pascasiswazah yang ditawarkan secara Sepenuh Masa atau Separa Masa di UTeM. Garis Panduan ini merupakan adaptasi daripada Garis Panduan Pembangunan Program Akademik Universiti Awam (GPPPA UA) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dan juga keperluan semakan oleh Badan Akreditasi seperti MQA, *Engineering Accreditation Council* (EAC), *Engineering Technology Accreditation Council* (ETAC), *Malaysia Board of Technologists* (MBOT) dan seumpamanya.
- ii. Semakan kurikulum adalah proses penambahbaikan sesuatu program pengajian yang perlu dilakukan dalam tempoh yang tertentu dan dilaksanakan secara berkala dan bersistematik. Kurikulum program pengajian yang baik adalah kurikulum yang mempunyai ciri fleksibel, dinamik dan relevan dengan keperluan semasa. Kurikulum yang bercirikan sedemikian dapat menyediakan pelajar dalam menghadapi cabaran masa hadapan.
- iii. Garis Panduan ini merangkumi komponen umum keperluan semakan kurikulum sesuatu program pengajian. Ianya juga merangkumi elemen perubahan maklumat asas program, komponen perubahan kurikulum dan kaedah pengiraan perubahan semakan bagi memudahkan dan membantu setiap fakulti / institut menjalankan proses semakan kurikulum bagi memastikan UTeM sentiasa menawarkan program pengajian yang berkualiti tinggi, berdaya saing, bersifat mampan (*sustainable*) dan diurus dengan baik.

3.0 Tafsiran dan Interpretasi

3.1 Tafsiran

Di dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya mengehendaki maksud yang lain perkataan-perkataan di bawah hendaklah mempunyai maksud yang berikut:

“Beku” ertinya status program pengajian yang tidak ditawarkan dalam sesuatu tempoh tertentu selepas tamat tempoh penjumudan;

“CLO” ertinya pernyataan Hasil Pembelajaran Kursus (*Course Learning Outcomes*);

“EE” ertinya Pemeriksa Luar program pengajian (*External Examiner*);

“Garis Panduan” ertinya Garis Panduan Semakan Kurikulum Program Pengajian di Universiti Teknikal Malaysia Melaka;

“JKPT” ertinya Jawatankuasa Pendidikan Tinggi;

“JKTSPA” ertinya Jawatankuasa Tetap Senat Perancangan Akademik;

“JPPKK” ertinya Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti;

“JTK” ertinya Jawatankuasa Tetap Kewangan;

“Jumud” ertinya status program pengajian yang tidak menerima pengambilan kohort pelajar baharu tetapi masih mempunyai kohort yang sedang dalam pengajian;

“LPU” ertinya Lembaga Pengarah Universiti;

“Lupus” ertinya status program pengajian yang tidak akan ditawarkan lagi dan dimansuhkan daripada senarai program yang diluluskan oleh JPT;

“MQA” ertinya Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*);

“MQF” ertinya Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*);

“NEC” ertinya Kod Pendidikan Nasional (*National Education Code*);

“Pelajar” ertinya seseorang pelajar berdaftar di UTeM yang masih dalam pengajian;

“PLO” ertinya Hasil Pembelajaran Program (*Programme Learning Outcomes*);

“PPPA” ertinya Pejabat Perancangan dan Pembangunan Akademik, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

“PPSKR” ertinya Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti dan Risiko;

“PPT” ertinya Pemberi Pendidikan Tinggi;

“PTJ” ertinya Pusat Tanggungjawab di UTeM termasuk fakulti dan institut yang menawarkan program pengajian seperti mana yang dinamakan oleh UTeM;

“StaF” ertinya seseorang kakitangan akademik (Kumpulan Pengurusan dan Profesional) dan/atau pentadbiran (Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pelaksana) yang dilantik oleh UTeM;

“TVET” ertinya Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (*Technical and Vocational Education and Training*); dan

“UTeM” ertinya Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

3.2 Interpretasi

- (a) Mana-mana perkataan dalam bentuk tunggal adalah termasuk juga yang majmuk dan sebaliknya.
- (b) Pada bila-bila masa Garis Panduan ini merujuk setiap hari dalam kalendar, apa-apa angka atau nombor tersebut hendaklah dirujuk kepada hari-hari dalam kalendar *Gregorian*.
- (c) Tajuk-tajuk dan tajuk-tajuk kecil di dalam Garis Panduan ini dimasukkan bertujuan untuk memudahkan rujukan sahaja dan tidak boleh dibuat pertimbangan dalam mentafsirkan Garis Panduan ini.
- (d) Lampiran-lampiran yang dirujuk di dalam Garis Panduan ini hendaklah diambil, dianggap, dibaca dan ditafsirkan sebagai bahagian yang penting kepada Garis Panduan ini.
- (e) Garis Panduan ini hendaklah diguna pakai oleh semua Staf dan Pelajar UTeM.

4.0 Pelaksanaan Program Pengajian


4.1 Proses Pembangunan, Penawaran dan Status Program

- 4.1.1 Program pengajian yang telah diluluskan mestilah ditawarkan dalam Sistem Maklumat Berkomputer yang telah ditetapkan oleh Universiti. Data maklumat program adalah daripada Surat Kelulusan JKPT dan setara dengan maklumat yang dinyatakan dalam Surat Perakuan Akreditasi Sementara (PAS) dari MQA.
- 4.1.2 Ketua Program dan Timbalan Dekan mestilah bertanggungjawab dalam memastikan program ditawarkan dan dipantau bagi memastikan unjuran pelajar dan kurikulum yang telah diluluskan berjaya dijalankan bagi mencapai hasil pembelajaran program yang disasarkan.
- 4.1.3 Kandungan maklumat program adalah seperti **Rajah 1**.

Kelulusan Mesyuarat JKPT	Perakuan Akreditasi Sementara MQA
•Nama Program Akademik •Entiti Akademik •Tahap Kelayakan •Jam Kredit •Mod Penawaran (Sepenuh/Separuh Masa) •Kaedah Penyampaian •Bidang NEC •Tempoh Pengajian •Implikasi Pengajian •Tarikh-tarikh kelulusan (JPT/MQA/LPU/Senat) •Tarikh Mula Penawaran	•Nama Program Akademik •Tahap Kelayakan •Alamat •Bidang NEC •Bahasa Pengantar •Kaedah Penyampaian •Mod Penawaran •Mod Pengajian •Kredit Bergraduat •Kaedah PdP •Tempoh Pengajian •Institusi Penganugerahan •Syarat Kelayakan •Tempoh Perakuan

Rajah 1: Kandungan Maklumat Program

- 4.1.4 **Rajah 2** menunjukkan proses pembangunan, penawaran dan pemantauan program pengajian serta semakan kurikulum.
- 4.1.5 UTeM mempunyai Prosedur Kerja ataupun Proses Kerja (PK) yang menggunakan Sistem Pengurusan MS ISO 9001:2015 bagi pembangunan, penawaran dan pelaksanaan program pengajian sama ada di peringkat prasiswazah mahupun pascasiswazah.



Rajah 2: Proses Pembangunan, Penawaran dan Pemantauan Program serta Semakan Kurikulum

4.2 Kitaran Pelaksanaan Program dan Semakan Kurikulum

- 4.2.1 Secara amnya, setiap program pengajian akan melalui **EMPAT (4)** kitaran utama dalam proses pelaksanaan, semakan dan penambahbaikan sesuatu program iaitu seperti **Rajah 3**.
- 4.2.2 Proses kitaran sesuatu pelaksanaan program pengajian ini mestilah bertunjangkan penambahbaikan kualiti berterusan (*Continual Quality Improvement, CQI*) dalam memastikan program dan kurikulum yang dijalankan mempunyai daya saing dan mampan (*sustainable*).



Rajah 3: Proses Kitaran CQI bagi sesuatu Program Pengajian

- 4.2.3 Oleh itu, dalam menyediakan keperluan semakan kurikulum, setiap program pengajian mestilah dibuat suatu penilaian prestasi bagi memastikan terdapat keperluan semakan kurikulum.

4.3 Pemantauan dan Penilaian Prestasi Program

- 4.3.1 Program pengajian yang ditawarkan di UTeM mestilah sentiasa diperkasa mengikut keperluan semasa.
- 4.3.2 Program pengajian perlu sentiasa dipantau melalui pelbagai kaedah dan instrumen yang bersesuaian secara berkala bagi mendapatkan penilaian prestasi yang tepat dalam membantu pihak Fakulti / Institut membuat keputusan berhubung cadangan semakan kurikulum yang dirancang. Proses ini perlu ketua oleh Ketua Program berkaitan.
- 4.3.3 UTeM telah membangunkan kriteria sendiri bagi menambah baik daya saing dan kelestarian sesuatu program akademik.
- 4.3.4 Berdasarkan **Mesyuarat Senat Bilangan 1 Tahun 2024**, UTeM telah menyediakan kaedah penilaian kelestarian program pengajian bagi memastikan dan menjamin setiap program yang ditawarkan bersifat lestari dan mampan (*sustainable*) sesuai dengan kehendak industri, dan kekal relevan.

5.0 Keperluan Semakan Kurikulum


5.1 Keperluan Umum

- 5.1.1 Setiap program pengajian perlu mengenal pasti keperluan ataupun melaksanakan kajian bagi semakan kurikulum.
- 5.1.2 Keperluan semakan kurikulum ini boleh dilihat melalui beberapa input atau maklum balas daripada:
- i. Perubahan Standard Program;
 - ii. Kajian Pasaran Pengajian Bidang;
 - iii. Laporan Keperluan Semasa Pengajian Bidang;
 - iv. Penandaarasan Program Pengajian Seumpama;
 - v. Maklum balas Akreditasi Sementara dan/atau Kelulusan JKPT;
 - vi. Laporan Pemeriksa Luar;
 - vii. Laporan Akreditasi Penuh;
 - viii. Laporan Maklum balas Panel Penasihat Industri;
 - ix. Laporan Hasil Artikulasi bersama Diploma UTeM, JPPKK dan/atau PPT berkaitan;
 - x. Laporan Maklum balas Alumni / Majikan / Industri / Komuniti / Pemegang taruh yang lain;
 - xi. Laporan Penambahbaikan Kualiti Berterusan (*Continual Quality Improvements*, CQI) daripada Pengajar, Jurulatih Industri, Pemeriksa Luar, wakil Komuniti, Akreditasi Penuh dan Pemegang taruh utama;
 - xii. Aktiviti dan Maklum balas Pelajar Semasa dan/atau Alumni;
 - xiii. Laporan Kebolehpasaran Graduan;
 - xiv. Status Bintang Program (bagi Pascasiswazah);
 - xv. Pembangunan berasaskan amalan terbaik pendidikan tinggi (contohnya, HIEPs, HTHV, EXCEL, dan lain-lain);
 - xvi. Perubahan Dasar/Standard Program (Standard Program atau tahap yang lebih tinggi); atau
 - xvii. Maklum balas lain-lain Pemegang Taruh yang berkaitan.
- 5.1.3 Sekiranya terdapat perkara yang difikirkan boleh menjejaskan kualiti atau menambah baik kualiti program, Fakulti / Institut boleh menyemak kurikulum yang telah diluluskan.
- 5.1.4 Walau bagaimanapun, sebaiknya program perlu mengkaji semula program dan membuat semakan kurikulum setelah mengambil kira pelbagai input dan penambahbaikan daripada pemegang taruh yang utama seperti penilaian Akreditasi Penuh, penilaian Pemeriksa Luar, input daripada Panel Penasihat Industri, Jurulatih Industri, wakil Komuniti, hasil artikulasi, tenaga pengajar, pelajar dan alumni.

- 5.1.5 Oleh yang demikian, Ketua Program hendaklah bertanggungjawab dalam memantau, menilai dan melaksanakan semakan kurikulum bagi program pengajiannya.
- 5.1.6 Sehubungan dengan pengenalpastian keperluan semakan kurikulum bagi penambahbaikan program pengajian ini, suatu kertas kerja cadangan perlu dibawa dan dibentangkan di peringkat Jabatan dan Majlis Akademik Fakulti / Institut (MAF / MAI) sebelum dibawa ke peringkat yang lebih tinggi bagi tujuan perakuan dan kelulusan.
- 5.1.7 Sekiranya telah mencapai tempoh kitaran, setiap program pengajian mestilah membuat Semakan Kurikulum Penuh dan melaporkan kepada Universiti bagi meneruskan kecemerlangan program pengajian dan meningkatkan kualiti pendidikan teknikal di UTeM.

5.2 Keperluan Khusus Berdasarkan Ciri-ciri Kurikulum

- 5.2.1 Semakan kurikulum juga perlu dilakukan sekiranya terdapat keperluan khusus berdasarkan ciri-ciri kurikulum seperti dalam **Rajah 4**.



Rajah 4: Keperluan Khusus berdasarkan Ciri-ciri Kurikulum

- 5.2.2 Bagi program pengajian yang dalam **status Jumud / Beku**, terdapat keperluan bagi mengemas kini dan menambah baik kurikulum, bergantung dengan keperluan semasa. Walau bagaimanapun, kaedah Penawaran Semula Program berstatus Jumud / Beku mestilah disemak semula dengan kaedah Semakan Kurikulum secara Komprehensif. Jika sebaliknya, Fakulti / Institut mestilah menukar status program kepada status Lupus dan daftar MQR akan merekodkan penamatan penawaran program serta sijil akreditasi program akan dipulangkan kepada MQA.
- 5.2.3 Bagi program pengajian yang mempunyai mod pengajian **Separa Masa**, maka proses semakan kurikulum seharusnya dilaksanakan secara bersama bagi mod tersebut bagi semua jenis akreditasi program (sama ada MQA atau Badan Profesional), melainkan terdapat keperluan lain yang dimaklumkan kepada Universiti.

- 5.2.4 Bagi **Program TVET** atau program pengajian yang melibatkan WBL, mempunyai Mod Industri (2u2i) atau secara Perantisan (*Apprenticeship*), perlu melaksanakan proses CQI bersama pihak industri dengan mendapatkan maklum balas wakil industri (seperti Jurulatih Industri dan/atau Penyelaras Industri). Proses semakan kurikulum perlu dibuat bersama dengan pihak industri bagi meningkatkan kualiti program pengajian tersebut. Rujuk dokumen berkaitan seperti Peraturan dan Garis Panduan Pelaksanaan WBL di UTeM, dan Panduan Pembangunan Kurikulum TVET di UTeM, dan lain-lain dokumen berkaitan yang berkuat kuasa. Selanjutnya, Program TVET perlu mengambil kira laporan hasil aktiviti **artikulasi TVET** oleh MTUN bersama JPPKK dan/atau institusi TVET lain yang berkenaan dalam setiap semakan kurikulum yang ingin dilaksanakan.
- 5.2.5 Program pengajian yang melibatkan kursus dengan kaedah pedagogi Pembelajaran Khidmat Bakti (*Service Learning*) seperti **SULAM** (*Service Learning Malaysia – University for Society*) oleh KPT, perlu melaksanakan proses CQI bersama pihak komuniti dengan mendapatkan maklum balas wakil komuniti. Proses semakan kurikulum perlu dibuat bersama dengan pihak komuniti bagi meningkatkan kualiti kursus dan program pengajian tersebut. Rujuk dokumen berkaitan seperti *SULAM Playbook* oleh KPT, dan lain-lain dokumen berkaitan yang berkuat kuasa.
- 5.2.6 Mana-mana program pengajian yang mempunyai sebarang komponen **Micro-credentials (MC)** berkredit yang telah diluluskan oleh Universiti (sama ada telah ditawarkan atau belum), proses semakan kurikulum perlu melibatkan semua komponen MC di dalam program pengajian tersebut kerana setiap MC berkenaan adalah bergantung kepada reka bentuk dan status akreditasi program pengajiannya.
- 5.2.7 **Program ODL, Program Anjal** dan/atau program pengajian dengan kursus yang diluluskan reka bentuk atau pelaksanaan secara Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (*Open and Distance Learning*, ODL) atau **Pembelajaran Teradun Gantian (PTG)** (*Blended Learning - Substitution*), iaitu penyampaian program/kursus yang sangat bergantung kepada bahan pembelajaran sendiri (***Self-Instructional Materials, SIM***), dan/atau sesi Pembelajaran Dalam Talian (*Online Learning*), perlu memastikan proses semakan kurikulum melibatkan penambahbaikan juga terhadap reka bentuk serta pelaksanaan SIM dan/atau sesi Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian (PdP-DT) sedia ada.
- 5.2.8 Pihak Fakulti / Institut perlu memastikan semakan kurikulum bagi semua jenis program pengajian adalah tidak mengubah **status Kaedah Penyampaian program** berkenaan (iaitu daripada COPPA/COPTPA kepada COPPA:ODL, dan sebaliknya). Bagi tujuan ini, nilai ambang bagi penentuan status Kaedah Penyampaian ialah **60% daripada jumlah bilangan kursus yang perlu diambil oleh pelajar untuk memenuhi kredit bergraduasi** bagi program tersebut (komponen Disertasi / Tesis seperti di dalam program Sarjana *Mixed-Mode* tidak termasuk di dalam komponen kursus).

5.3 Tempoh Kitaran Semakan Kurikulum

- 5.3.1 Sesuatu program pengajian perlu melalui proses semakan kurikulum yang dilaksanakan mengikut sesuatu tempoh tertentu, berkala dan secara sistematik.
- 5.3.2 Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan atas saranan pemegang taruh utama bagi sesuatu program iaitu input daripada Badan Akreditasi, pihak Jawatankuasa Pengajian dan/atau Pemeriksa Luar, Fakulti / Institut boleh memohon semakan kurikulum kepada Universiti bagi menjaga kualiti dan kebolehpasaran bakal graduan bagi sesuatu program.
- 5.3.3 Selain dari itu, semakan kurikulum juga boleh berlaku sekiranya:
- Cadangan penambahbaikan semasa proses akreditasi sementara dan/atau input dalam Mesyuarat JKPT bagi kelulusan sesuatu program.
 - Terdapat perubahan mendesak atas faktor perubahan dasar/standard yang dikeluarkan oleh MQA atau JPT.
- 5.3.4 **Jadual 1** menunjukkan tempoh kitaran berkala bagi proses semakan kurikulum penuh.


Jadual 1: Tempoh Kitaran Berkala Semakan Kurikulum Penuh

Bil.	Jenis Program	Tempoh Kitaran	Informasi Tambahan
1.	Setiap Program Pengajian Baharu	Selepas kohort pertama bergraduasi dan tidak melebihi SATU (1) tahun	Mengambil kira laporan CQI Pemeriksa Luar dan Laporan Akreditasi Penuh.
2.	Pengajian Diploma	Selepas setiap TIGA (3) tahun dan tidak melebihi LIMA (5) tahun	Rujuk Jadual 7 (Senarai Semak Kategori Perubahan dalam Semakan Kurikulum).
3.	Sarjana Muda	Selepas setiap EMPAT (4) tahun dan tidak melebihi LIMA (5) tahun	
4.	Sarjana, Kedoktoran, atau lain-lain Program Pengajian Pascasiswazah	Selepas setiap TIGA (3) hingga LIMA (5) tahun	

- 5.3.5 Sekiranya sesuatu program pengajian yang telah melalui proses penjumudan dan/atau pembekuan, terdapat keperluan melakukan Semakan Kurikulum Komprehensif (Major / Menyeluruh) bagi memastikan program pengajian dapat ditawarkan semula.

5.4 Jenis Semakan Kurikulum

5.4.1 Terdapat **TIGA (3)** jenis Semakan Kurikulum seperti **Rajah 5**:



Rajah 5: Jenis Semakan Kurikulum

5.4.2 Jenis semakan kurikulum adalah bergantung kepada keperluan semakan dan tempoh semakan yang akan dibuat seperti dalam **Jadual 2**.

Jadual 2: Jenis Semakan Kurikulum

Bil.	Jenis Semakan	Keperluan Semakan	Tempoh Semakan
1.	Semakan Kurikulum	Sekiranya terdapat maklum balas daripada pemegang taruh utama yang boleh menambah baik kualiti program pengajian. Contohnya: - Syarat Khusus Keperluan Akreditasi Sementara/Penuh* - Maklum balas kelulusan JKPT* - Perubahan Standard Program Pengajian - Maklum balas Pemeriksa Luar / Jawatankuasa Pengajian Program * Nota: Mengikut keperluan dan tahap impak kepada program pengajian.	- Tempoh maklum balas Syarat Khusus bagi Akreditasi Sementara / Penuh; atau - Tempoh berkuat kuasa Keperluan Perubahan Standard Program.
2.	Semakan Kurikulum Penuh	Semakan Kurikulum yang dilaksanakan secara berkala, iaitu apabila kitaran penuh program (<i>programme full-cycle</i>) berlaku, seperti yang ditetapkan oleh Universiti.	Rujuk Jadual 1 (Tempoh Kitaran Berkala Semakan Kurikulum Penuh).
3.	Semakan Kurikulum Komprehensif (Major / Menyeluruh)	Semakan Kurikulum secara yang lebih komprehensif atau menyeluruh (bersifat major) untuk mengaktifkan semula program yang berstatus Jumud atau Beku.	- Sekurang-kurangnya sebelum tempoh DUA (2) tahun apabila sesuatu program dalam status Jumud. - Sekurang-kurangnya sebelum tempoh DUA (2) tahun apabila sesuatu program dalam status Beku.

6.0 Panduan Semakan Kurikulum

6.1 Proses Umum dalam Semakan Kurikulum

- 6.1.1 Setiap Ketua Program mestilah peka dengan tempoh semakan dan keperluan semakan kurikulum sepanjang penawaran program.
- 6.1.2 Proses umum bagi Semakan Kurikulum yang perlu mendapatkan kelulusan kertas kerja ditunjukkan di dalam **Rajah 6**.



Rajah 6: Proses Umum bagi Semakan Kurikulum

- 6.1.3 Ketua Program perlu menyediakan suatu dokumen **garis masa perancangan** (seperti carta Gantt) bagi gerak kerja semakan kurikulum yang ingin dilaksanakan setelah mengenal pasti kategori perubahan dalam semakan kurikulum berdasarkan Garis Panduan ini. Ini bagi memudahkan pengurusan program dan perbincangan dengan pihak PPPA / Universiti.
- 6.1.4 Tempoh yang sesuai dalam garis masa semakan kurikulum perlu dikenal pasti oleh Ketua Program agar Fakulti / Institut mempunyai masa untuk menyediakan Buku Panduan Akademik terkini atau apa-apa dokumen berkaitan perubahan kurikulum untuk **hebahan kepada Pelajar** (iaitu setelah semua kelulusan pada peringkat yang diperlukan bagi semakan kurikulum tersebut berjaya diperolehi).

6.2 Kategori Perubahan dalam Semakan Kurikulum

6.2.1 Terdapat beberapa kategori perubahan dalam semakan kurikulum seperti **Rajah 7**.



Rajah 7: Kategori Perubahan dalam Semakan Kurikulum

- 6.2.2 Sesuatu program mestilah mengetahui jenis semakan dan keperluan bagi setiap Kategori Perubahan dalam Semakan Kurikulum dalam **Jadual 3**.
- 6.2.3 Setiap perubahan dalam semakan mestilah merujuk kepada Kategori Perubahan dalam Kurikulum Asal. Oleh yang demikian, MQA dan JPT telah memberi beberapa butiran contoh perubahan yang boleh dibuat. **Jadual 3** menunjukkan kategori perubahan maklumat program pengajian dalam semakan kurikulum.
- 6.2.4 **Kurikulum Sedia Ada (Asal)** adalah merujuk kepada segala struktur, pemetaan, maklumat dan reka bentuk program, skema pengajian, kaedah penyampaian, dan butiran kursus bagi sesuatu program pengajian yang telah diluluskan sebelumnya oleh pihak Badan Akreditasi dengan merujuk kepada suatu dokumen/surat kelulusan yang berkaitan.
- 6.2.5 **Jadual 4** menunjukkan implikasi perubahan dan peringkat kelulusan mengikut Kategori Perubahan dalam Semakan Kurikulum. Manakala **Rajah 8** menunjukkan antara contoh biasa yang dijalankan dalam proses semakan dan peringkat kelulusan.


Jadual 3: Kategori Perubahan dalam Semakan Kurikulum

Kategori Perubahan	Butiran Perubahan
1. Perubahan / Pindaan Maklumat pada MQR	1.1 Pindaan kod NEC / Nama Program / Kredit Bergraduat / Kaedah Mod Pengajian / Tempoh Pengajian
	1.2 Perubahan Kaedah Pengajian
2. Perubahan bersifat Struktural pada Kurikulum	2.1 Perubahan/ Penambahan kepada kaedah WBL / Mod Industri / 2u2i
	2.2 Perubahan Struktur Program (Major / Minor / Pengkhususan)
	2.3 Perubahan nama program (disebabkan oleh BOK / <i>Technology/Technical Services</i> (bagi program MBOT) / trend semasa) atau perubahan PEO / PLO
	2.4 Perubahan semakan melebihi 30% Kandungan Kurikulum
3. Perubahan Reka bentuk Kurikulum	3.1 Perubahan nama / kandungan program disebabkan menjurus ke <i>Body of Knowledge</i> (BOK) atau <i>Technology/Technical Services</i> (bagi program MBOT) bidang pengajian lain (pertukaran NEC)
4. Perubahan Kaedah Penyampaian Program	4.1 Perubahan Mod Penyampaian Program kepada ODL
	4.2 Perubahan / Penambahan Mod Penawaran (contoh: Mod Kerja Kursus kepada Mod Penyelidikan)
5. Perubahan Lain	5.1 Pindaan kerana MQF / Standard Program
	5.2 Penyelarasan Kandungan Kursus (silibus/topik)
	5.3 Penambahan komponen pembelajaran teradun
	5.4 Perubahan Kaedah / Komposisi Penilaian
	5.4.1 Kaedah Penilaian Akhir, atau Komposisi Penilaian Berterusan dan Penilaian Akhir
	5.4.2 Kaedah / Komposisi dalam Penilaian Berterusan
	5.5 Perubahan sinopsis kursus
	5.6 Kemas kini bahan rujukan
	5.7 Perubahan Sesi Pengajian
	5.7.1 Pengambilan kohort pertama
	5.7.2 Perubahan maklumat / semakan kurikulum
	5.8 Perubahan Maklumat Status Program (Jumud / Beku / Tawar semula)
	5.9 Pelupusan Program Pengajian
	5.10 Perubahan / Penambahan Lokasi Penawaran
	5.11 Perubahan / Penambahan Syarat Kelayakan Masuk Program
	5.12 Perubahan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Program
	5.13 Sebarang pindaan editorial yang tidak melibatkan MQR atau bersifat Struktural
Nota: Kategori dan Butiran Perubahan dalam semakan kurikulum ini adalah merujuk kepada dokumen rujukan dari JPT, MQA dan MBOT. Rujuk dokumen-dokumen tersebut untuk contoh dan perincian lanjut.	

Jadual 4: Implikasi Perubahan dan Peringkat Kelulusan mengikut Kategori Perubahan dalam Semakan Kurikulum

Kategori Perubahan ⁺	Butiran Perubahan ⁺	Peringkat Kelulusan ⁺
1. Perubahan / Pindaan Maklumat pada MQR	1.1 Pindaan kod NEC / Nama Program / Kredit Bergraduat / Kaedah Mod Pengajian / Tempoh Pengajian	i. Permohonan Kelulusan Senat ii. Mendapatkan Maklum Balas Penilaian dari MQA / Badan Akreditasi* iii. Permohonan Kelulusan JKPT iv. Permohonan Pindaan MQR* *Caj Penilaian mengikut keperluan.
	1.2 Perubahan Kaedah Pengajian	
2. Perubahan bersifat Struktural pada Kurikulum	2.1 Perubahan / Penambahan kepada kaedah WBL / Mod Industri / 2u2i	i. Permohonan Kelulusan Senat ii. Mendapatkan Maklum Balas Penilaian dari MQA / Badan Akreditasi* iii. Permohonan Kelulusan JKPT iv. Permohonan Pindaan MQR* (jika berkaitan) *Caj Penilaian mengikut keperluan.
	2.2 Perubahan Struktur Program (Major / Minor / Pengkhususan)	
	2.3 Perubahan nama program (disebabkan oleh BOK / <i>Technology/Technical Services</i> (bagi program MBOT) / <i>trend</i> semasa) atau perubahan PEO / PLO	
	2.4 Perubahan semakan melebihi 30% Kandungan Kurikulum	
3. Perubahan Reka bentuk Kurikulum	3.1 Perubahan nama / kandungan program disebabkan menjurus ke <i>Body of Knowledge</i> (BOK) atau <i>Technology/Technical Services</i> (bagi program MBOT) bidang pengajian lain (pertukaran NEC)	Proses permohonan Program Baharu
4. Perubahan Kaedah Penyampaian Program	4.1 Perubahan Mod Penyampaian Program kepada ODL	Proses permohonan Program Baharu
	4.2 Perubahan / Penambahan Mod Penawaran (contoh: Mod Kerja Kursus kepada Mod Penyelidikan)	
5. Perubahan Lain	5.1 Pindaan kerana MQF / Standard Program	i. Permohonan Kelulusan Senat ii. Penyimpanan rekod kelulusan oleh Fakulti untuk semakan audit pematuhan
	5.2 Penyelarasan Kandungan Kursus (silibus / topik)	i. Permohonan Kelulusan Jabatan ii. Penyimpanan rekod kelulusan oleh Fakulti untuk semakan audit pematuhan
	5.3 Penambahan komponen pembelajaran teradun	
	5.4 Perubahan Kaedah / Komposisi Penilaian	i. Permohonan Kelulusan Senat ii. Penyimpanan rekod kelulusan oleh Fakulti untuk semakan audit pematuhan
	5.4.1 Kaedah Penilaian Akhir, atau Komposisi Penilaian Berterusan dan Penilaian Akhir	
	5.4.2 Kaedah / Komposisi dalam Penilaian Berterusan	i. Permohonan Kelulusan Fakulti ii. Penyimpanan rekod kelulusan oleh Fakulti untuk semakan audit pematuhan
	5.5 Perubahan sinopsis kursus	i. Permohonan Kelulusan Jabatan ii. Penyimpanan rekod kelulusan oleh Fakulti untuk semakan audit pematuhan
	5.6 Kemas kini bahan rujukan	

Kategori Perubahan ⁺	Butiran Perubahan ⁺	Peringkat Kelulusan ⁺
	5.7 Perubahan Sesi Pengajian	i. Permohonan Kelulusan Senat ii. Permohonan Kelulusan JKPT
	5.7.1 Pengambilan kohort pertama	
	5.7.2 Perubahan maklumat / semakan kurikulum	
	5.8 Perubahan Maklumat Status Program (Jumud / Beku / Tawar semula)	
	5.9 Pelupusan Program Pengajian	i. Permohonan Kelulusan Senat ii. Permohonan Kelulusan JKPT iii. Pemulangan Sijil Akreditasi kepada MQA
	5.10 Perubahan / Penambahan Lokasi Penawaran	i. Permohonan Kelulusan Senat ii. Permohonan Kelulusan JKPT iii. Perubahan MQR (sekiranya berkaitan)
	5.11 Perubahan / Penambahan Syarat Kelayakan Masuk Program	i. Permohonan Kelulusan Senat ii. Permohonan Kelulusan bagi program di bawah MBOT iii. Permohonan Kelulusan / Pemakluman bagi program di bawah MQA iv. Pemakluman ke JKPT Nota: melibatkan Bahagian Pengurusan Akademik (BPA).
	5.12 Perubahan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Program	i. Permohonan Kelulusan JKTSPA ii. Penyimpanan rekod kelulusan oleh Fakulti untuk semakan audit pematuhan
	5.13 Sebarang pindaan editorial yang tidak melibatkan MQR atau bersifat Struktural	i. Permohonan Kelulusan Jabatan ii. Penyimpanan rekod kelulusan oleh Fakulti untuk semakan audit pematuhan
⁺ Nota: 1. Kategori dan Butiran Perubahan dalam semakan kurikulum ini adalah merujuk kepada dokumen rujukan dari JPT, MQA dan MBOT. Rujuk dokumen-dokumen tersebut untuk contoh dan perincian lanjut. 2. Peringkat Kelulusan adalah panduan umum. Pihak program pengajian seharusnya merujuk kepada PPPA dan/atau PPSKR untuk penjelasan lanjut, mengikut keperluan. 3. Sekiranya Peringkat Kelulusan bagi Semakan Kurikulum yang dirancang oleh pihak program pengajian melibatkan lebih dari satu Butiran Perubahan, maka, sila rujuk kesemua proses Peringkat Kelulusan yang berkenaan.		



Rajah 8: Sebahagian contoh Pindaan dan Implikasi bagi Semakan Kurikulum berdasarkan Kategori Perubahan

7.0 Perubahan Kurikulum Kategori Struktural pada Peringkat Kursus

7.1 Perubahan Reka Bentuk Kursus

- 7.1.1 Reka bentuk kursus (*course design*) seharusnya dipantau dan ditambahbaik dari segi CLO, kandungan, kaedah penilaian dan penyampaian bagi memastikan semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran mencapai Hasil Pembelajaran Kursus (CLO) yang disasarkan.
- 7.1.2 Antara perubahan yang biasa dilakukan dalam suatu reka bentuk kursus adalah seperti berikut:
- i. Perubahan Kandungan, Penggabungan ataupun Pemisahan Kandungan Kursus;
 - ii. Perubahan Penawaran atau Pengguguran Kursus;
 - iii. Perubahan Jam Kredit Kursus;
 - iv. Perubahan Kod dan/atau Nama Kursus.
- 7.1.3 Garis Panduan ini hanya menekankan perubahan reka bentuk kursus pada komponen **Teras sahaja** (termasuk Pengkhususan), iaitu yang berkaitan terus atau mempunyai impak besar terhadap **teras atribut dan kompetensi graduan (*core graduates' attributes and competencies*)** yang disasarkan oleh suatu program pengajian.
- 7.1.4 Program pengajian boleh juga disemak dengan melaksanakan perubahan ataupun penambahbaikan penawaran Kursus Wajib Universiti (iaitu Kursus MPU dan Kursus Universiti) dan Kursus Elektif (sama ada Kursus Elektif Umum atau Kursus Elektif Bidang), tetapi perubahan ini tidak dikira dalam kiraan utama peratusan perubahan semakan kurikulum program.

7.2 Jenis dan Kaedah Pengiraan bagi Perubahan pada Reka Bentuk Kursus

7.2.1 **Jadual 5** menyenaraikan jenis-jenis perubahan peringkat kursus (bagi komponen Teras) dalam semakan kurikulum.

- i. Sebarang perubahan pada peringkat kursus adalah tertakluk kepada komponen Kandungan (silibus) kursus dan pernyataan hasil pembelajaran sesuatu kursus (CLO). Perubahan melibatkan Kursus Teras sahaja (termasuk kursus Pengkhususan dan kursus Projek Sarjana) yang dikira peratus perubahannya. Iaitu yang berkaitan terus atau mempunyai impak besar terhadap teras atribut dan kompetensi graduan (*core graduates' attributes and competencies*) yang disasarkan oleh suatu program pengajian.
- ii. Bagi sebarang perubahan yang dinyatakan dengan jelas disebabkan memenuhi keperluan Standard, Standard Program atau Syarat Khusus Akreditasi, tiada kiraan perubahan kredit dikenakan.
- iii. Jenis Perubahan Peringkat Kursus seperti di dalam jadual tersebut adalah panduan umum. Pihak program pengajian seharusnya merujuk kepada PPPA dan/atau PPSKR untuk penjelasan lanjut, mengikut keperluan.
- iv. Sebarang perubahan adalah tertakluk dengan apa-apa panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), MQA atau Badan Profesional yang berkaitan.

Jadual 5: Jenis Perubahan Peringkat Kursus (Komponen Teras) dalam Semakan Kurikulum

Bil	Kursus dalam Kurikulum Sedia Ada (Asal)	Kredit	Kursus dalam Kurikulum Cadangan (Baharu)	Kredit	Status Perubahan	Keterangan Status Perubahan	Kiraan Perubahan (Kredit)
1.	Kursus A	3	Kursus A	3	Kekal	Merujuk kepada CLO dan Kandungan kursus kekal sama, tiada perubahan.	0
2.	Kursus B	3	Kursus B+ (<30%)	3	Pinda	CLO atau Kandungan kursus berubah kurang 30%. Semak dan sediakan jadual kesetaraan kursus (80%).	0
3.	Kursus C	3	Kursus C+ (>30%)	3	Ganti	CLO atau Kandungan kursus berubah lebih 30%. Disyorkan nama kursus baharu. Kod kursus perlu diganti dan memenuhi keperluan Peraturan Akademik. Kursus C berstatus Gugur.	3
4.	Kursus D	3	Tiada	0	Gugur	Kursus D digugurkan dari Kurikulum (Komponen Teras).	3
5.	Tiada	0	Kursus E	3	Tambah	Kursus E ditambah ke dalam Kurikulum (Komponen Teras).	3
6.	Kursus F	3	Kursus F1	1	Pisah (jumlah kredit sama)	Kursus F dipisahkan. Jika CLO, Kandungan Kursus dan jumlah kredit sama, tiada perubahan. Semak dan sediakan jadual kesetaraan kursus (80%). Kursus F berstatus Gugur.	0
			Kursus F2	2			
7.	Kursus G	3	Kursus G1	2	Pisah (jumlah kredit beza - Segregasi)	Kursus G dipisahkan, dan terdapat beza jumlah kredit atau Kandungan Kursus (Segregasi). Semak dan sediakan jadual kesetaraan kursus (80%). Kursus G berstatus Gugur.	3-4 = 1
			Kursus G2	2			
8.	Kursus H	2	Kursus J	4	Gabung (jumlah kredit sama)	Kursus H dan Kursus I digabungkan. Jika CLO, Kandungan kursus dan jumlah kredit sama, tiada perubahan. Semak dan sediakan jadual kesetaraan kursus (80%). Kursus H & I berstatus Gugur.	0
	Kursus I	2					
9.	Kursus K	2	Kursus M	3	Gabung (jumlah kredit beza - Konsolidasi)	Kursus K dan Kursus L digabungkan, dan terdapat beza jumlah kredit atau Kandungan Kursus (Konsolidasi). Semak dan sediakan jadual kesetaraan kursus (80%). Kursus K & L berstatus Gugur.	4-3 = 1
	Kursus L	2					

Bil	Kursus dalam Kurikulum Sedia Ada (Asal)	Kredit	Kursus dalam Kurikulum Cadangan (Baharu)	Kredit	Status Perubahan	Keterangan Status Perubahan	Kiraan Perubahan (Kredit)
10.	Tiada	0	Kursus N	3	Pindah (Tukar Klasifikasi)	Kursus N dipindahkan dari Komponen Elektif ke Teras.	3
11.	Kursus O	3	Tiada	0	Pindah (Tukar Klasifikasi)	Kursus O dipindahkan ke Komponen Elektif dari Teras.	3
12.	Kursus P (Semester 4)	3	Kursus P (Semester 6)	3	Pindah (penawaran semester)	Kursus P dipindahkan penawaran semester. CLO, Kandungan dan kredit kursus masih sama. Kod Kursus perlu memenuhi keperluan Peraturan Akademik.	0
13.	Kursus Q	3	Kursus R	3	Perubahan Nama	Kursus Q perlu menukar nama kursus. CLO, Kandungan dan kredit kursus masih sama. Kod kursus perlu diganti dan memenuhi keperluan Peraturan Akademik.	0
14.	Kursus S	3	Kursus S'	2	Mampat (jumlah kredit beza)	CLO dan Kandungan kursus masih sama, tetapi dimampatkan (<i>compress</i>), maka kredit dikurangkan. Semak dan sediakan jadual kesetaraan kursus (80%). Kod Kursus perlu memenuhi keperluan Peraturan Akademik. Kursus S berstatus Gugur.	$ 3-2 = 1$
15.	Kursus T	2	Kursus T'	3	Kembang (jumlah kredit beza)	CLO dan Kandungan kursus masih sama, tetapi dikembangkan (<i>expand</i>), maka kredit ditambah. Semak dan sediakan jadual kesetaraan kursus (80%). Kod Kursus perlu memenuhi keperluan Peraturan Akademik. Kursus T berstatus Gugur.	$ 2-3 = 1$

Nota:

- Sebarang perubahan tertakluk kepada komponen Kandungan (silibus) kursus dan pernyataan hasil pembelajaran sesuatu kursus (CLO). Perubahan melibatkan Kursus Teras sahaja (termasuk kursus Pengkhususan dan kursus Projek Sarjana) yang dikira peratus perubahannya, iaitu yang berkaitan terus atau mempunyai impak besar terhadap teras atribut dan kompetensi graduan (*core graduates' attributes and competencies*) yang disasarkan oleh suatu program pengajian.
- Bagi sebarang perubahan yang dinyatakan dengan jelas disebabkan memenuhi keperluan Standard, Standard Program atau Syarat Khusus Akreditasi, tiada kiraan perubahan kredit dikenakan.
- Jenis Perubahan Peringkat Kursus seperti di atas adalah panduan umum. Pihak program pengajian seharusnya merujuk kepada PPPA dan/atau PPSKR untuk penjelasan lanjut, mengikut keperluan.
- Sebarang perubahan adalah tertakluk dengan apa-apa panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), MQA atau Badan Profesional yang berkaitan.

7.2.2 Kaedah pengiraan perubahan dalam semakan kurikulum bagi sesuatu program pengajian adalah seperti contoh di dalam **Jadual 6**.

Jadual 6: Contoh Kiraan Perubahan bagi Menentukan Peratus Semakan Kurikulum – melibatkan Komponen Teras sahaja (termasuk kursus Pengkhususan dan kursus Projek Sarjana)

Bil.	Kurikulum Sedia Ada (Asal)			Kurikulum Cadangan (Baharu)			Jenis Perubahan	Kiraan Perubahan	
	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Kekal / Pinda / Ganti / Gugur / Tambah / Pisah / Gabung / Pindah / Perubahan Nama / Mampat / Kembang	Kredit	
1.	BMCG 3223	Thermo-Fluid	3				Gugur	3	
2.				BMCG 3553	Thermodynamics	3	Tambah	3	
3.	BEKG 1122	Statistics	2	BEKG 1123	Statistics	3	Kembang	1	
4.	BPKG 2103	xx	3	BPKG 2102	xx	2	Mampat	1	
5.	BKKG 4113	xx	3	BKKG 4123	xx	3	Ganti	3	
6.				BITG 1115	xx	5	Tambah	5	
Jumlah Kredit Bergraduata Sedia Ada (A)			120 (A)	Jumlah Kredit Bergraduata Cadangan (Baharu)			125	Jumlah Perubahan Kredit (B)	16 (B)
Peratus Perubahan dalam Semakan Kurikulum = $\frac{B}{A} \times 100\% = \frac{16}{120} \times 100\%$									13.33%


7.2.3 Peratus perubahan pada peringkat program adalah dikira **secara kumulatif** dari Kurikulum Asal yang diluluskan oleh Badan Akreditasi berdasarkan surat/dokumen kelulusan yang rasmi.

7.2.4 Pengiraan peratus perubahan ini akan **ditetapkan semula (reset)** menjadi **0%** apabila semakan kurikulum telah mendapat surat/dokumen kelulusan rasmi daripada pihak Badan Akreditasi tanpa sebarang isu/syarat lain.

8.0 Proses Semakan Kurikulum bagi Program Pengajian

8.1 Proses Semakan Kurikulum

8.1.1 **Rajah 9** menunjukkan proses pelaksanaan program (penawaran dan pemantauan program pengajian) serta semakan kurikulum.



Rajah 9: Proses Umum Pelaksanaan dan Semakan Kurikulum Program Akademik

8.1.2 Ketua Program mestilah mengikut Prosedur Kerja Semakan Kurikulum yang dinyatakan oleh UTeM. Bagi perincian proses kerja, boleh dirujuk bagi fasa yang berkaitan pada PK01 (dari PPPA) dan PK29 (dari PPSKR).

8.1.3 Penyediaan Kertas Kerja Cadangan Semakan Kurikulum Program Pengajian perlu mengikut templat terkini yang disediakan oleh pihak PPPA (rujuk Templat Kertas Kerja Mesyuarat JKTSPA).

8.1.4 Maklum balas dan laporan pemegang taruh utama seperti dalam Perenggan 5.1.2 Garis Panduan ini, amat diperlukan dalam membuat kertas kerja semakan kurikulum ini.

8.1.5 Urusan pihak Fakulti / Institut berkaitan semakan kurikulum bersama PPPA perlu melalui Ketua Program dan/atau Timbalan Dekan berkaitan serta dalam makluman Dekan Fakulti / Institut berkenaan.

8.1.6 Proses kerja umum semakan kurikulum adalah seperti **Rajah 10**.



Rajah 10: Proses Kerja Pelaksanaan Semakan Kurikulum

8.1.7 Hasil Semakan Kurikulum yang telah melalui proses pemakluman / kelulusan adalah seperti **Rajah 11**.



Rajah 11: Kandungan Maklumat Program Hasil Semakan di Bahagian JKPT dan MQA (termasuk Badan Profesional)

- 8.1.8 Pihak Fakulti / Institut (Ketua Program) perlu menyimpan salinan dokumen-dokumen kelulusan berkaitan sebarang semakan kurikulum untuk rujukan program pada masa hadapan.

8.2 Jenis Dokumen yang Berkaitan dengan Semakan Kurikulum

- 8.2.1 Antara kertas kerja dan borang-borang berkaitan adalah seperti berikut:

- i. Templat Kertas Kerja Semakan Kurikulum JKTSPA
- ii. Kertas Cadangan Permohonan Semakan Kurikulum untuk JKPT
- iii. Jadual 4 UTeM (**Table 4** - Kursus Konvensional, Kursus PTG Sepenuhnya (<80% SLT ODL/*Online*))
- iv. **Borang M**: Semakan Kurikulum Program MQA
- v. **Borang SRR06**: Semakan Kurikulum Program MBOT
- vi. **Borang J**: Permohonan Bagi Penggantian Perakuan MQA

Nota: Dokumen di atas adalah borang yang diguna pakai sewaktu garis panduan ini disediakan. Fakulti / Institut bertanggungjawab untuk memastikan penggunaan borang yang sesuai dan terkini dengan merujuk PPPA semasa permohonan Semakan Kurikulum dimajukan.

- 8.2.2 Senarai Semak Kategori Perubahan dalam Semakan Kurikulum adalah seperti mana dalam **Jadual 7**.

Jadual 7: Senarai Semak Kategori Perubahan dalam Semakan Kurikulum

Kategori Perubahan	Semakan Perubahan	Tanda (/)	Semakan Kurikulum Program (Nyatakan Ringkasan Perubahan)
1. Perubahan / Pindaan Maklumat pada MQR	1.1 Pindaan kod NEC / Nama Program / Kredit Bergraduat / Kaedah Mod Pengajian / Tempoh Pengajian		
	1.2 Perubahan Kaedah Pengajian		
2. Perubahan bersifat Struktural pada Kurikulum	2.1 Perubahan/ Penambahan kepada kaedah WBL / Mod Industri / 2u2i		
	2.2 Perubahan Struktur Program (Major / Minor / Pengkhususan)		
	2.3 Perubahan nama program (disebabkan oleh BOK / <i>Technology/Technical Services</i> (bagi program MBOT) / trend semasa) atau perubahan PEO / PLO		
	2.4 Perubahan semakan melebihi 30% Kandungan Kurikulum		
3. Perubahan Reka bentuk Kurikulum	3.1 Perubahan nama / kandungan program disebabkan menjurus ke <i>Body of Knowledge</i> (BOK) atau <i>Technology/Technical Services</i> (bagi program MBOT) bidang pengajian lain (pertukaran NEC)		
4. Perubahan Kaedah Penyampaian Program	4.1 Perubahan Mod Penyampaian Program kepada ODL		
	4.2 Perubahan / Penambahan Mod Penawaran (contoh: Mod Kerja Kursus kepada Mod Penyelidikan)		
5. Perubahan Lain	5.1 Pindaan kerana MQF / Standard Program		
	5.2 Penyelarasan Kandungan Kursus (silibus/topik)		
	5.3 Penambahan komponen pembelajaran teradun		
	5.4 Perubahan Kaedah / Komposisi Penilaian		
	5.4.1 Kaedah Penilaian Akhir, atau Komposisi Penilaian Berterusan dan Penilaian Akhir		
	5.4.2 Kaedah / Komposisi dalam Penilaian Berterusan		
	5.5 Perubahan sinopsis kursus		
	5.6 Kemas kini bahan rujukan		
	5.7 Perubahan Sesi Pengajian		
	5.7.1 Pengambilan kohort pertama		
	5.7.2 Perubahan maklumat / semakan kurikulum		
	5.8 Perubahan Maklumat Status Program (Jumud / Beku / Tawar semula)		
	5.9 Pelupusan Program Pengajian		
	5.10 Perubahan / Penambahan Lokasi Penawaran		
	5.11 Perubahan / Penambahan Syarat Kelayakan Masuk Program		
	5.12 Perubahan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Program		
	5.13 Sebarang pindaan editorial yang tidak melibatkan MQR atau bersifat Struktural		

9.0 Dokumen yang Perlu Dibaca Bersama

- i. *Malaysian Qualifications Framework (MQF) 2.0 (2024)*
- ii. Surat Makluman MQA Bil. 15/2022 (7 Disember 2022), Permohonan Pengemaskinian Program
- iii. Garis Panduan Pembangunan Program Akademik Universiti Awam, Edisi Kedua, Jabatan Pendidikan Tinggi, 2018
- iv. Surat Makluman MQA Bil. 4/2018 (8 Mac 2018), Perubahan Maklumat Program, No Rujukan: MQA.100-1/7/2 Jilid 2 (7)
- v. Garis Panduan Penilaian Semakan Kurikulum, TTAC MBOT
- vi. *Guidelines to Good Practices (GGP), MQA*
- vii. Mana-mana dokumen amalan terbaik pendidikan tinggi, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT)
- viii. Dokumen ISO UTeM yang berkuat kuasa
- ix. Peraturan dan Panduan Akademik Prasiswazah, Pascasiswazah dan ODL UTeM yang berkuat kuasa



10.0 Rujukan Utama

- *Malaysian Qualifications Framework (MQF) 2.0* (2024)
- *Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA)* Edisi 2
- *Code of Practice for Programme Accreditation – Open and Distance Learning (COPPA:ODL)* Edisi 2
- *Code of Practice for TVET Programme Accreditation (COPTPA)* Edisi 2
- Standard MQA Sarjana dan Kedoktoran
- Standard Program MQA Pengkomputeran
- Standard Program MQA Perniagaan
- Standard Program MQA Kejuruteraan dan Teknologi
- *Engineering Accreditation Council (EAC)*
- *Engineering Technology Accreditation Council (ETAC)*
- *Malaysia Board of Technologists (MBOT)*
- Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs), JPT
- Kerangka Pembangunan Program Teknologi Tinggi Bernilai Tinggi (HT-HV), JPT
- Kerangka *Experiential Learning and Competency-Based Education Landscape (EXCEL)*, JPT
- Mana-mana amalan terbaik pendidikan tinggi, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT)
- *Guidelines to Good Practices (GGP)*, MQA
- Peraturan dan Panduan Akademik Prasiswazah UTeM
- Peraturan Akademik Pascasiswazah UTeM
- UTeM(ISO)/PP/PK01 (26 April 2024), Pembangunan Program Baharu dan Semakan Semula Kurikulum, PPPA, UTeM.
- UTeM(ISO)/PP/PK29 (14 April 2024), Akreditasi Penuh Program Akademik, PPSKR, UTeM.
- Surat Makluman MQA Bil. 4/2018 (8 Mac 2018), Perubahan Maklumat Program, No Rujukan: MQA.100-1/7/2 Jilid 2 (7).
- Garis Panduan Amalan Baik: Pemantauan, Penyemakan dan Penambahbaikan Kualiti Institusi Berterusan (GGP: MR-CIIQ), Agensi Kelayakan Malaysia 2014.
- Peraturan dan Garis Panduan Pelaksanaan WBL di UTeM (2022)
- Panduan Pembangunan Kurikulum TVET di UTeM (2024)
- Peraturan dan Garis Panduan Program Pengajian ODL UTeM (2024)
- Surat Makluman MQA Bil. 3/2018 (14 Februari 2018), Takrifan Kaedah Pengajian dan Kaedah Penyampaian Program Pendidikan Tinggi, No Rujukan: MQA.100-1/7/2 Jilid 2 (6).
- *Advisory Note No. 1/2023* (4 Januari 2023), Fleksibiliti Kaedah Penyampaian Secara Konvensional Program Pendidikan Tinggi, MQA.